

Headline	Usah kongkong pelajar berpolitik
Date	31. May 2008
Media Title	Berita Harian
Section	Nasional
Circulation	217920
Readership	2083000
Language	MALAY
Page No	14
Article Size	257 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



Usah kongkong pelajar berpolitik

Persatuan harap pindaan AUKU tak sekat hak mahasiswa

Oleh Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR: Pertubuhan perwakilan pelajar universiti berharap pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) tidak disertai peraturan baru yang mengongkong khususnya membabitkan hak pelajar berpolitik.

Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, Mohd Zaid Mohd Idrus, berkata disamping hasrat kerajaan mahu melihat mahasiswa yang lebih berketramplian dan cemerlang dalam akademik, hak pelajar berpolitik tidak boleh disekat.

"Kami menyambut baik hasrat kerajaan untuk memindah keadaan AUKU, tetapi isu yang menjadi perdebatan ketika ini ialah mengenai pembabitan pelajar dalam politik dan ini tidak seharusnya dijadikan teras pindaan."

"Bila kita memperkatakan hal berpolitik, ia hak semua rakyat lebih-lebih lagi mereka yang berusia 21 tahun ke atas," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kelmarin, yang memberi jaminan pindaan kepada AUKU tidak akan mengongkong pembabitan pelajar dalam kegiatan yang membina dan konstruktif.

Mohd Zaid berkata, kehidupan mahasiswa seharusnya tidak terhad hanya kepada dewan kuliah, bilik tutorial dan perpustakaan, sebaliknya membabitkan seluruh kehidupan universiti dan masyarakat, termasuk kurikulum, kebijakan dan politik kampus.

Pembabitan seumpamanya mampu untuk mematangkan kepemimpinan mahasiswa dan membuka minad mereka untuk memandang kepada dunia luar sebagai penilaian mengenai apa yang diperlukan untuk membangunkan masyarakat.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia

(UPM), Mohamad Sabrie Mohamad Salleh, berkata pembabitan pelajar dalam politik tidak dapat dielakkan.

"Dalam akhbar yang kami baca setiap hari pun begitu banyak mengetengahkan mengenai politik, justeru apa yang berlaku sekurang-kurangnya membuatkan kami mahu mengambil tahu mengenai perkembangan semasa dan tidak terlalu terkongong dengan tanggungjawab sebagai pelajar."

"Malah bukan isu politik saji yang menjadi minat pelajar, sebaliknya pelbagai isu semasa dalam negara dan global, yang juga tidak dapat lari daripada perkembangan politik semasa," katanya dengan keyakinan pindaan itu akan 'membebaskan' pelajar universiti, bukan untuk jalan salah sebaliknya bebas untuk membina kecermerlangan diri.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, Mohd Hilmi Ramli, berkata perbincangan mengenai AUKU lebih kepada isu yang mengikat pelajar daripada isu berkaitan politik.

"Akta yang terhad akan membatutkan minda pelajar untuk melahirkan pendapat dan berhujah sedangkan ini adalah sebahagian kemahiran ini yang perlu dijana dalam diri seorang pelajar cemerlang," katanya.

**Bila kita
memperkatakan
hal berpolitik, ia
hak semua rakyat
lebih-lebih lagi
mereka yang
berusia 21 tahun
ke atas"**

Mohd Zaid Mohd Idrus
Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia